

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JOW459 – Perkembangan Organisasi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Pastikan anda menulis angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Markah bagi setiap soalan adalah seperti yang tercatat.

...2/-

SULIT

JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA.**SOALAN 1 (25 markah)**

Apabila perubahan organisasi sedang dilakukan, perhatian perlu terarah untuk mengekalkan tenaga dan komitmen dalam melaksanakannya. Namun begitu keseronokan dalam membuat aktiviti perubahan sering hilang apabila berhadapan dengan masalah praktikal iaitu dalam mempelajari cara baharu. Terdapat kecenderungan yang kuat dari kalangan pekerja untuk kembali kepada tingkah laku lama dalam melakukan pekerjaan mereka. Berdasarkan pernyataan ini, bincangkan cara organisasi boleh kekalkan momentum perubahan.

SOALAN 2 (25 markah)

Encik Zamarul merupakan CEO Syarikat Indi Berhad. Syarikat beliau berhadapan dengan persaingan global yang semakin meningkat serta perubahan teknologi dan persekitaran yang pesat yang memerlukan organisasi beliau untuk menyusun semula organisasi dari birokrasi yang kaku (*rigid*) kepada reka bentuk yang lebih fleksibel. Oleh kerana syarikat beliau mempunyai banyak cawangan, beliau bercadang untuk memilih reka bentuk rangkaian bagi mengekalkan daya saing syarikat. Bincangkan;

(a). Struktur rangkaian.

(9 markah)

(b). **EMPAT (4)** jenis rangkaian asas.

(16 markah)

SOALAN 3 (25 markah)

Sistem ganjaran adalah sebahagian penting dalam reka bentuk organisasi dan mesti diselaraskan dengan strategi, struktur, penglibatan pekerja, dan kerja. Bincangkan **LIMA (5)** ciri reka bentuk sistem ganjaran.

...3/-

SOALAN 4 (25 markah)

Puan Dolly merupakan seorang perunding yang telah dilantik oleh Firma Bambi. Tugas beliau adalah untuk mereka bentuk sistem kerjaya yang berdaya saing di Firma Bambi. Intervensi pembangunan kerjaya membantu individu mencapai tujuan kerjaya mereka. Bincangkan **LIMA (5)** intervensi kerjaya yang boleh dilakukan oleh Puan Dolly.

SOALAN 5 (25 markah)

Hampir dua dekad yang lalu, organisasi sedar terdapat hubungan antara kesejahteraan pekerja dan produktiviti. Kesejahteraan pekerja memberi kesan kepada peribadi pekerja dan organisasi, termasuklah ketidakhadiran, produktiviti, dan kos insurans kesihatan. Tekanan kerja mengganggu kesejahteraan pekerja. Bagi mengatasi masalah tekanan kerja, intervensi yang tepat perlu dilakukan oleh organisasi. Bincangkan **LIMA (5)** intervensi yang boleh digunakan oleh organisasi untuk mengurus tekanan bagi meningkatkan kesejahteraan.